

08/07/1998

Unjuran baru pertumbuhan akan diumumkan

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata, unjuran pertumbuhan ekonomi negara 1998 yang sebelum ini pada paras dua hingga tiga peratus, perlu disemak semula.

Tanpa menyebut sebarang angka, Timbalan Perdana Menteri berkata unjuran baru akan diumumkan tidak lama lagi dan berharap pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tidak berada di tahap negatif.

Menurutnya, kerajaan akan cuba merangsang ekonomi dengan memberi peruntukan baru, penubuhan dana baru dan pengwujudan syarikat pengurusan aset (AMC) untuk mengambil alih pinjaman tidak berbayar (NPL) bank.

"Kita berharap tidak memasuki tahap negatif. Kita sedang mengkaji angka-angka dan ingin tahu secepat mana pakej ransangan dilaksanakan," katanya selepas sesi pertama Dialog Belanjawan 1999 bertemakan "Usaha ke arah memulihkan Pertumbuhan Ekonomi" di sini.

KDNK pada suku pertama tahun ini menguncup 1.8 peratus. Bagaimanapun, penganalisis berpendapat penguncupan itu cuma bagi Januari, Februari dan Mac tetapi mula menunjukkan arah positif pada bulan berikutnya.

Baru-baru ini, kerajaan mengumumkan penubuhan Dana Pembangunan Prasarana (DPP) dengan peruntukan awal RM5 bilion bagi membiayai projek prasarana awam besar yang tertangguh berikutan kegawatan ekonomi seperti pengangkutan awam, pembetulan, sisa pepejal dan bekalan air.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, semua agensi dan jabatan kerajaan harus mengambil langkah untuk mempercepatkan pelaksanaan projek dan kelulusan, supaya pertumbuhan ekonomi dapat dikekalkan.

"Oleh itu, adalah sangat kritikal bahawa semua agensi dan jabatan tidak menggunakan kaedah konvensional pelaksanaan tetapi untuk segera mengambil langkah menyegerakan proses kelulusan serta menjamin bahawa projek dan program berjalan segera," katanya.

Beliau juga menjelaskan, dalam masa sukar sekarang, perjumpaan harian diadakan antara beliau dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana sokongan menyeluruh diperlukan.

Menurutnya, seseorang itu tidak seharusnya bersikap terlalu sensitif mengenai Perdana Menteri memandu ekonomi kerana "kami bekerja dengan berkesan sebagai satu pasukan."

Mengenai dialog itu, Anwar berkata, selain meneruskan tradisi tahunan, ia juga mempunyai kelainan kerana perhatian agak serius diberikan terhadap masalah yang dibangkitkan berdasarkan kegawatan ekonomi sekarang.

"Sektor swasta juga mengemukakan masalah termasuk kelewatan pelaksanaan projek yang sudah diluluskan. Saya menjelaskan bahawa dalam keadaan sekarang, kita lebih banyak menumpukan perhatian bagaimana kerajaan boleh mengadakan dana tambahan dan juga bertindak sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi," katanya.

"Misalnya dana infrastruktur untuk membantu menyelesaikan beberapa projek infrastruktur yang strategik. Di samping itu, kita tidak mengetepikan program pembangunan sosial termasuk pembasmian kemiskinan.

"Kelompok itu adalah paling terdedah kepada permasalahan jika tidak diberi perhatian segera. Oleh kerana kita dapat mengasingkan dana infrastruktur, kita boleh menumpukan peruntukan tambahan itu dalam pembangunan sosial termasuk pendidikan, kesihatan dan juga pembasmian kemiskinan," katanya.

(END)